

08 OCT 2000

USAHA BURUKKAN DR MAHATHIR SUDAH LAMA BERMULA, KATA ABDULLAH

ALOR SETAR, 8 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata usaha memburukkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di luar negara telah bermula sejak lama dahulu.

Beliau berkata usaha itu berpusat di luar negara tetapi berkemungkinan sumber mereka adalah dari dalam negara ini.

"Yang mereka lakukan (memburukkan Dr Mahathir) sudah lama, macam-macam keluar, antaranya seperti dalam internet.

"Usaha membuat cerita-cerita buruk itu berpusat di luar negara bukan di dalam, tetapi mungkin ada kaitan dengan orang kita.... sebab orang putih tak tahu bahasa kita," katanya kepada pemberita sebelum menghadiri mesyuarat dengan pemimpin Umno Negeri, di sini, malam ini.

Beliau diminta mengulas mengenai kolum sebuah akhbar berbahasa Malaysia hari ini yang menyebut ada usaha terancang pihak tertentu untuk memburukkan Dr Mahathir dan memencilkan negara ini di arena antarabangsa.

Penulis kolum itu menyebut antara usaha berkenaan adalah siri tunjuk perasaan yang diatur semasa lawatan Dr Mahathir ke luar negara.

Pemimpin Umno yang hadir pada pertemuan itu antaranya ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

-- BERNAMA

MZM FAZ